



PANDUAN RINGKAS UNTUK NOKIA PC SUITE 5.8

NOKIA





Kandungan

1. PENGENALAN	4
2. KEPERLUAN-KEPERLUAN SISTEM	7
3. MENYAMBUNGAN SUATU TELEFON SERASI DAN SEBUAH PC SERASI	8
4. MEMASANG NOKIA PC SUITE	9
5. MENGGUNAKAN NOKIA PC SUITE	11
6. PENYELESAIAN MASALAH	16
7. APENDIKS A. MENGGUNAKAN JENIS-JENIS SAMBUNGAN YANG LAIN	23

Notis Undang-Undang

Hak Cipta © 2002-2004 Nokia. Semua hak cipta terpelihara.

Pengeluaran semula, pemindahan, pengedaran atau penstoran sebahagian atau kesemua kandungan dokumen ini dalam sebarang bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Nokia adalah dilarang.

Nokia and Nokia Connecting People merupakan tanda niaga yang didaftarkan bagi Nokia Corporation.

Java is a trademark of Sun Microsystems, Inc.

Bluetooth is a registered trademark of Bluetooth SIG, Inc.

USE OF THIS PRODUCT IN ANY MANNER THAT COMPLIES WITH THE MPEG-4 VISUAL STANDARD IS PROHIBITED, EXCEPT FOR USE DIRECTLY RELATED TO (A) DATA OR INFORMATION (i) GENERATED BY AND OBTAINED WITHOUT CHARGE FROM A CONSUMER NOT THEREBY ENGAGED IN A BUSINESS ENTERPRISE, AND (ii) FOR PERSONAL USE ONLY; AND (B) OTHER USES SPECIFICALLY AND SEPARATELY LICENSED BY MPEG LA, L.L.C.

PENGGUNAAN PRODUK INI DALAM APA-APA CARA YANG MEMATUHI DENGAN PIAWAIAN VISUAL MPEG-4 ADALAH DILARANG, KECUALI UNTUK PENGGUNAAN SECARA LANGSUNG YANG BERKAITAN DENGAN (A) DATA ATAU MAKLUMAT (i) YANG DIJANA OLEH DAN DIPEROLEH TANPA DIKENAKAN BAYARAN DARIPADA SEORANG PENGGUNA DAN DENGAN ITU TIDAK TERLIBAT DALAM DAYA USAHA PERNIAGAAN, DAN (ii) UNTUK PENGGUNAAN PERIBADI SAHAJA; DAN (B) LAIN-LAIN PENGGUNAAN YANG DILESENKAN SECARA KHUSUS DAN SECARA BERASINGAN OLEH MPEG LA, L.L.C.

Produk dan nama syarikat lain yang dinyatakan di sini mungkin merupakan tanda niaga atau nama niaga pemilik-pemilikinya.

Nokia menggunakan polisi pembangunan berterusan. Nokia mempunyai hak untuk membuat perubahan dan penambahbaikan kepada mana-mana produk yang dinyatakan dalam dokumen ini tanpa sebarang notis.

Dalam apa juga keadaan, Nokia tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan data atau pendapatan atau sebarang kerosakan khusus, kebetulan, turutan atau secara tidak langsung walau bagaimanapun cara ia disebabkan.

Kandungan-kandungan dokumen ini disediakan "seperti adanya". Kecuali seperti yang diperlukan oleh undang-undang yang digunapakai, tidak ada sebarang bentuk jaminan, sama ada secara jelas atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan-jaminan tersirat mengenai kebolehjualan dan kesesuaian bagi tujuan tertentu, dibuat berkaitan ketepatan, kebolehpercayaan atau kandungan-kandungan dokumen ini. Nokia mempunyai hak untuk menyemak semula dokumen ini atau menarik balik penggunaannya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.



Nota keselamatan penting

Semua arahan keselamatan di dalam panduan pengguna telefon dan komputer anda juga digunapakai bila produk ini digunakan bersama telefon.

Jangan lupa membuat salinan sokongan bagi semua data penting untuk melindungi terhadap sebarang kemungkinan kehilangan atau perubahan.

Pasangkan hanya perisian dari sumber-sumber yang menawarkan perlindungan yang secukupnya dari perisian yang berbahaya.



1. PENGENALAN


Maklumat selanjutnya telah diberikan di dalam panduan ringkas berasingan telefon Nokia anda. Jangan gunakan Panduan Ringkas untuk Nokia PC Suite ini bagi menggantikan panduan pengguna lengkap, yang membekalkan maklumat keselamatan dan penyelenggaraan yang penting.

Panduan ini menerangkan secara ringkas bagaimana memasang dan mula menggunakan Nokia PC Suite. Bagi arahan-arahan yang lebih terperinci mengenai penggunaan Nokia PC Suite, sila rujuk kepada bantuan dalam talian di dalam aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite.

Nokia PC Suites boleh diguna dengan pelbagai telefon-telefon bimbit Nokia yang serasi. Walau bagaimanapun, tidak semua ciri dan aplikasi Nokia PC Suite boleh diguna dengan semua model telefon. Untuk maklumat selanjut pada telefon anda, begitu juga telefon disokong oleh setiap Nokia PC Suite, rujuk pada laman-laman web Nokia.

Nokia PC Suite terdiri daripada aplikasi-aplikasi berikut:

- **Nokia Content Copier** membolehkan anda menyalin maklumat antara dua telefon Nokia yang serasi, menyandar maklumat pada telefon Nokia yang serasi ke sebuah PC yang serasi, dan memadam data dari suatu telefon yang serasi
- **Nokia PC Sync** membolehkan anda menyegerakkan kenalan-kenalan dan item-item kalendar antara telefon yang serasi dengan Personal Information Manager (PIM) PC yang serasi
- **Nokia Phone Browser** membenarkan anda menguruskan sesetengah folder telefon yang serasi di Windows Explorer dalam PC anda, juga untuk membuka aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite yang lain
- **Nokia Application Installer** membenarkan anda memasang aplikasi-aplikasi Java™ dari suatu PC serasi anda ke dalam suatu telefon serasi
- **Nokia Audio Manager** membenarkan anda membuat dan menyusun fail-fail muzik digital pada sebuah PC serasi dan pindah mereka ke sebuah alatan bergerak yang serasi.
- **Nokia Image Converter** membenarkan anda mengubahsuai imej-imej dan memindahkannya ke suatu telefon bimbit yang serasi sebagai kertas hias dinding, imej-imej potret, dan gambar MMS
- **Nokia Multimedia Player** untuk memainkan mesej-mesej MMS, fail audio dan video. Anda juga boleh mencipta senarai main bagi fail multimedia kegemaran anda
- **Nokia Sound Converter** membenarkan anda mengubah nada-nada dering MIDI Umum menjadi nada MIDI Polyphony BolehSkala bagi telefon yang serasi
- **Nokia Settings Manager** membantu anda mengurus penanda buku penyemak imbas dan tetapan-tetapan khidmat anda, begitu juga melihat dan menukar saluran-saluran radio yang disimpan ke telefon yang serasi

- 
- **Nokia Phone Editor** membolehkan anda menghantar mesej-mesej ringkas dan menyunting kandungan suatu telefon yang serasi dari PC anda
 - **Nokia Connection Manager** membenarkan anda memilih jenis sambungan antara telefon yang serasi dengan PC yang serasi apabila menggunakan aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite
 - **Nokia Modem Options** yang membolehkan anda menetapkan pilihan-pilihan bagi panggilan data yang anda buat

Memasang Nokia PC Suite juga pasang **penyesuai-penyesuai modem data Nokia** untuk telefon-telefon disokong, di mana membenarkan anda guna suatu telefon serasi sebagai sebuah modem dalam panggilan-panggilan data.

Aplikasi Nokia PC Suite yang mana satu saya perlukan ...	Untuk arahan-arahan lanjut lihat bantuan aplikasi-aplikasi
...buat suatu sandaran bagi maklumat telefon (kenalan-kenalan, kalendar) dan simpan semula dalam telefon?	Nokia Content Copier
...pindah maklumat dari telefon ke telefon	Nokia Content Copier Untuk suatu senarai telefon-telefon yang serasi untuk ini, lihat topik Menggunakan Nokia Content Copier.
...segerak telefon saya dengan kalendar PC saya?	Nokia PC Sync
...pindah fail-fail antara telefon dengan PC?	Nokia Phone Browser
...lihat kandungan-kandungan telefon pada PC?	Anda boleh lihat sesetengah folder telefon dalam Nokia Phone Browser.
...nama semula fail-fail dan folder-folder telefon?	Nokia Phone Browser
...lihat dan edit kenalan-kenalan saya pada PC?	Nokia Phone Editor
...pasang aplikasi-aplikasi Java (permainan-permainan, kamus-kamus, dan sebagainya) dalam telefon saya?	Nokia Application Installer
...pindah muzik dari PC saya ke telefon?	Nokia Audio Manager
...edit gambar-gambar sedia ada dan saiz semula mereka untuk muat ke telefon saya?	Nokia Image Converter
...tukar nada-nada deringan MIDI Umum ke nada-nada MIDI Bolehskala Polifoni?	Nokia Sound Converter
...main MMS dan video-video?	Nokia Multimedia Player
...tukar format suatu fail multimedia atau simpan bahagian-bahagian suatu mesej multimedia secara berasingan?	Nokia Multimedia Player
...tuliskan dan hantar mesej-mesej teks dari PC?	Nokia Phone Editor
...guna telefon saya sebagai sebuah modem?	Lihat bahagian terakhir Apendiks A.
...edit tetapan-tetapan penyemak imbas telefon saya?	Nokia Settings Manager
...tambah saluran-saluran baru dalam Radio telefon?	Nokia Settings Manager
...tukar tetapan-tetapan diguna semasa menggunakan telefon sebagai sebuah modem?	Nokia Modem Options (boleh dijumpai dalam Windows Control Panel).

2. KEPERLUAN-KEPERLUAN SISTEM

Untuk memasang dan menjalankan Nokia PC Suite, anda memerlukan:

- Windows 98SE/Me/2000/XP (Edisi Profesional dan Rumah)
- Sekurang-kurangnya ruang bebas cakera sebanyak 150 MB.

Untuk guna fungsi-fungsi bantuan dengan Nokia PC Suite, anda perlu:

- Internet Explorer 5.0 atau lebih baru.

Bagi suatu sambungan antara suatu telefon yang serasi dengan PC yang serasi, anda memerlukan sekurang-kurangnya salah satu daripada set sambungan berikut:

- Sebuah port IrDA (inframerah) dalam komputer anda.
- Kabel penyambung DKU-2 (USB) dan sebuah port yang serasi di dalam komputer.
- Kabel penyambung DKU-5 (serial) dan sebuah port yang serasi di dalam komputer.
- Untuk memberikan anda akses dari PC ke peralatan diperbolehkan Bluetooth: Sebuah PC diperbolehkan Bluetooth dan penyelesaian sambungan Bluetooth yang serasi ataupun sebuah PC yang serasi dengan sambungan Bluetooth, contohnya salah satu yang berikut:
 - PC dengan sambungan Bluetooth dalaman:
 - Toshiba Tecra 9000
 - IBM ThinkPad A30p
 - Penyesuai-penyesuai Bluetooth atau perisian (untuk digunakan dengan PC diperbolehkan Bluetooth yang serasi):
 - Modul Bluetooth USB TDK
 - Kad PC Bluetooth 3COM (3CRWB6096)
 - Kad Kredit Xircom (CBT)
 - Penyesuai Bluetooth USB Brainbox
 - Set Perisian Bluetooth Digianswer
 - Microsoft Windows XP Bluetooth



Petua:

Dalam panduan ini, semua rujukan kepada sebuah PC (Komputer Peribadi) sama seperti sebuah komputer riba.



Nota: Untuk pastikan telefon anda berfungsi sewajarnya dengan semua aplikasi Nokia PC Suite, adalah direkemen bahawa anda guna bahasa yang sama dalam telefon, sistem operasi dan Nokia PC Suite, jika boleh.



3. MENYAMBUNGGAN SUATU TELEFON SERASI DAN SEBUAH PC SERASI

Anda mungkin perlu menyambungkan suatu telefon Nokia yang serasi dan sebuah PC yang serasi untuk dua tujuan:

- untuk memindahkan maklumat antara Nokia PC Suite dengan telefon tersebut atau:
- untuk menggunakan telefon tersebut sebagai modem untuk mengakses rangkaian data melalui PC tersebut.

Anda boleh menggunakan sambungan inframerah (IrDA), teknologi Bluetooth, or sambungan kabel, bergantung pada jenis sambungan yang disokong oleh telefon ataupun PC tersebut dan pilihan-pilihan yang telah dibuat semasa pemasangan Nokia PC Suite.

3.1 SAMBUNGAN ANTARA TELEFON SERASI DENGAN NOKIA PC SUITE

- Digunakan semasa memindah maklumat antara telefon yang serasi dengan Nokia PC Suite (contohnya semasa anda menyegerakkan item-item kalendar dan kenalan-kenalan yang serasi antara telefon anda dengan PC tersebut, memindah imej-imej atau nada-nada dering, ataupun memasang aplikasi-aplikasi dengan Nokia PC Suite). Adalah direkemen bahawa anda guna suatu sambungan kabel USB (jika tersedia) semasa memindah fail-fail muzik antara telefon anda dengan PC. Dengan suatu sambungan USB anda boleh pindah fail-fail besar lebih cepat dengan sambungan lain.
- Gunakan **Nokia Connection Manager** untuk menentukan atau menukar jenis sambungan. Nokia Connection Manager telah dipasang secara automatik bersama dengan sebarang aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite, kecuali Nokia Modem Options, yang tidak menggunakannya.
- Sambungan antara aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite dengan telefon yang serasi dibuat secara automatik, jika telefon tersebut disambungkan ke PC semasa membuka aplikasi-aplikasi.
- Untuk maklumat selanjutnya tentang penggunaan Nokia Connection Manager dengan jenis sambungan yang lain, lihat Apendiks A dalam dokumen ini.

3.2 MENGGUNAKAN TELEFON ANDA SEBAGAI MODEM

- Digunakan semasa menghantar dan menerima data melalui rangkaian data seperti Internet
- Pasang **Nokia Modem Options** semasa pemasangan Nokia PC Suite.

Untuk maklumat lanjut, lihat bab Mengguna Nokia Modem Options dalam panduan ini.



Nota: Anda tidak boleh menggunakan Nokia Connection Manager untuk menggunakan telefon anda sebagai modem melalui Nokia Modem Options! Pastikan semua jenis sambungan dilumpuhkan dalam Nokia Connection Manager semasa membuat suatu panggilan data.

4. MEMASANG NOKIA PC SUITE

4.1 SEBELUM PEMASANGAN

- Buang semua versi terdahulu PC Suite 4.x atau PC Suite 5.x dari PC anda.
- Jika anda merancang untuk menggunakan sambungan Bluetooth, pasang sebarang penyesuai Bluetooth atau perisian yang diperlukan sebelum memasang Nokia PC Suite. Untuk maklumat selanjutnya tentang penyesuai-penyesuai, lihat bab Keperluan-keperluan Sistem dalam panduan ini.
- Jika anda merancang untuk menggunakan kabel untuk menyambungkan sebuah PC dan telefon, anda mesti memasang pemacu-pemacu kabel sebelum memasang Nokia PC Suite.
 - Anda boleh mencari program persediaan pemacu di laman-laman web Nokia Phone Support.

4.2 MEMASANG NOKIA PC SUITE

1. Keluar dari semua program dan buat salinan sokongan bagi semua data penting untuk melindungi terhadap sebarang kemungkinan kehilangan atau pengubahan.
2. Jika anda memasang Nokia PC Suite dari **CD-ROM**, lakukan yang berikut:
 - Klik **Pasang Perisian (Install Software)** dari menu utama CD-ROM dan kemudian klik **Nokia PC Suite 5.8**
 - Pilih bahasa dan klik OK. InstallShield Wizard memulakan program pemasangan itu.

Jika anda memasang Nokia PC Suite dari laman-laman web **Nokia Product Support**, lakukan yang berikut:

- Pilih bahasa di dalam menu jatuh-turun.
 - Klik **Nokia_PC_Suite_58_xx.exe** (xx mewakili singkatan bahasa tersebut)
 - Sekiranya anda menerima terma-terma muat turun, klik **Accept**.
 - Simpan fail tersebut di lokasi yang diutamakan dalam komputer anda.
 - Semak imbas ke fail yang telah dimuat turun dan klik **Nokia_PC_Suite_58_xx.exe**. InstallShield Wizard memulakan program pemasangan itu.
3. Ikuti arahan-arahan pada skrin, dan jangan lupa:
 - Anda mesti membaca dan menerima **Perjanjian Lesen** sebelum meneruskan.
 - Dalam tettingkap **Pilih Aplikasi**, pilih aplikasi-aplikasi yang anda ingin pasang. Anda boleh memasang semua aplikasi atau yang anda ingini sahaja.
 - Pilih untuk memasang Nokia Modem Options jika anda mahu menggunakan telefon anda sebagai modem. Untuk arahan-arahan selanjutnya, lihat bab

Sambungan antara telefon serasi dengan Nokia PC Suite dalam dokumen ini.

- Jika anda ingin guna sambungan inframerah dan anda mempunyai keluaran pertama Windows 2000, anda mungkin perlu memasang Microsoft Security Update untuk Windows 2000 anda bagi menyokong inframerah. Program pemasangan akan minta anda pasang perisian tersebut jika perlu. Anda boleh pasang Security Update sama ada sebelum atau selepas pemasangan Nokia PC Suite. Perisian Security Update telah dijadikan tersedia di <http://www.microsoft.com/windows2000/downloads/security/q252795/default.asp>
 - Jika anda ingin guna sambungan kabel, sambung telefon ke PC apabila diminta dalam window **Cable Connection**, mengikut arahan-arahan.
4. Mulakan semula PC anda.

4.3 SELEPAS PEMASANGAN

Jika anda mahu menggunakan telefon anda sebagai modem, anda perlu melakukan perkara berikut selepas memasang Nokia Modem Options:

- kemas kini pemacu Nokia xxxx (IrDA) (jika anda sedang menggunakan Windows XP)
- tambah modem Nokia xxxx (Bluetooth)

xxxx bermaksud nombor model empat digit bagi telefon.


4.3.1 Mengemas kini pemacu inframerah (dengan Windows XP saja):

1. Sambungkan telefon anda ke sebuah PC yang serasi (melalui IrDA).
2. Buka **Control Panel** dan pilih **Phone and Modem Options**.
3. Dalam **Phone and Modem Options** pilih tab **Modems**. Dalam tab **Modems**, pilih **Standard Modem over IR link**, dan klik **Properties**.
4. Dalam kotak dialog **Standard Modem over IR link Properties** pilih tab **Driver**, dan pilih **Update Driver**.
5. **Hardware Update Wizard** dibuka. Pilih **Install from a list or specific location (Advanced)**. Klik **Next**.
6. Dialog seterusnya meminta anda untuk memilih pilihan carian dan pemasangan. Pilih **Don't search. I will choose the driver to install**. Klik **Next**.
7. Dialog seterusnya meminta anda memilih modem yang anda ingin pasang. Pilih **Nokia xxxx (IrDA)**. Klik **Next**.
8. Baca nota di dalam dialog seterusnya. Klik **Continue Anyway** untuk meneruskan proses kemas kini, atau **STOP Installation** untuk menamatkan pemasangan.
9. Jika anda meneruskan pemasangan, klik **Finish** apabila pemasangan telah selesai. Modem Nokia xxxx (IrDA) kini boleh dilihat dalam senarai modem. Klik **OK** untuk menutup tettingkap **Phone and Modem Options**.

Modem Nokia xxxx IrDA kini boleh dilihat di dalam senarai Installed Nokia Modems di dalam aplet Control Panel Nokia Modem Options.

4.3.2 Menambah modem Bluetooth

1. Aktifkan profil Dial-Up Networking dari perisian Windows Bluetooth anda. Aktifkan Bluetooth dalam telefon anda dan sambung telefon ke PC.

- 
2. Buka **Control Panel** dan pilih **Phone and Modem Options**.
 3. Dalam **Phone and Modem Options** pilih tab **Modems**. Dalam senarai **Modems**, pilih modem Bluetooth yang ingin anda kemas kini. Klik **Add...**
 4. Dalam kotak dialog **Install New Modem** pilih **Don't detect my modem; I will select it from a list**. Klik **Next**.
 5. Dalam senarai **Manufacturer**, pilih **Nokia**. Dalam senarai **Models**, pilih modem yang ingin anda kemas kini. Klik **Next**.
 6. Pilih pilihan **Selected ports**. Dalam senarai tersebut, pilih port COM yang anda ingin gunakan untuk memasang modem tersebut. Klik **Next**.
 7. Baca nota di dalam dialog seterusnya. Klik **Continue anyway** untuk meneruskan proses kemas kini, atau **STOP Installation** untuk menamatkan pemasangan.

Jika anda meneruskan pemasangan, modem Nokia xxxx (Bluetooth) kini boleh dilihat dalam senarai Installed Nokia Modems dalam aplet Control Panel Nokia Modem Options.

5. MENGGUNAKAN NOKIA PC SUITE

5.1 MEMULAKAN APLIKASI NOKIA PC SUITE

Terdapat dua cara untuk membuka aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite:

- dari menu Start: klik butang **Start**, tunjuk ke **Programs** dan **Nokia PC Suite 5**, dan kemudian klik aplikasi yang anda mahu.
- dari **Nokia Phone Browser** pilih **Nokia Phone Browser** dalam pameran pokok Windows Explorer dan dwi-klik ikon aplikasi yang anda ingin buka di dalam pameran Folder.





Nota: Anda tidak boleh membuat panggilan data dengan telefon sebagai modem semasa sebarang aplikasi Nokia PC Suite masih aktif. Juga, anda tidak boleh menggunakan aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite semasa anda mempunyai panggilan data yang aktif.

Semasa membuat panggilan data, pastikan tiada sebarang jenis sambungan di dalam Connection Manager dipilih. Tetapkan semula pilihan jenis (jenis-jenis) sambungan apabila anda mula menggunakan Nokia PC Suite sekali lagi.

5.2 MENGGUNAKAN NOKIA PC SYNC

Nokia PC Sync membenarkan anda menyegerakkan kenalan-kenalan, nota-nota dan item-item kalendar/tugasan antara telefon bimbit Nokia yang serasi dengan Personal Information Manager (PIM) PC anda, justeru membolehkan anda mengemas kini maklumat di dalam telefon dan juga PC anda.

Untuk membuat tugas penyegerakkan baru, klik ikon Nokia PC Sync  dengan butang kanan tetikus dan kemudian klik **Ciri-ciri**. Klik **Tukar Aplikasi PC...** Untuk maklumat selanjutnya, lihat bantuan Nokia PC Sync.

Semasa Nokia PC Sync berjalan, ikon Nokia PC Sync  muncul di atas bar tugas. Anda boleh mengakses arahan-arahan menu Nokia PC Sync dengan mengklik-kanan ikon ini.



Petua: Anda boleh menetapkan Nokia PC Sync untuk bermula secara automatik semasa permulaan. Untuk melakukan ini, klik-kanan ikon Nokia PC Sync di atas bar tugas dan pilih **Dibenar pada Permulaan**.

5.3 MENGGUNAKAN NOKIA CONTENT COPIER

Anda boleh menggunakan Nokia Content Copier untuk

- menyalin maklumat antara dua telefon Nokia yang serasi,
- menyandar maklumat pada telefon Nokia yang serasi ke sebuah PC yang serasi, dan
- memadam maklumat dari telefon yang serasi.



Nota: Pemadaman maklumat akan sentiasa mengosongkan senarai daftar panggilan telefon tersebut.

Untuk memulakan **Nokia Content Copier**, klik butang **Start**, tunjuk ke **Programs** dan **Nokia PC Suite 5**, dan kemudian klik Nokia Content Copier. Ikuti arahan-arahan pada skrin.



Nota: Perlindungan hak cipta mungkin menghindarkan sesetengah imej, nada dering dan kandungan lain dari disalin, diubahsuai, dipindahkan atau dimajukan.



Nota: Nokia Content Copier tidak termasuk item-item folder Galeri dalam penyalinan kandungan-kandungan. Jika anda ingin salin item-item Galeri pada PC anda, laksanakan dalam Nokia Phone Browser. Perhatikan juga bahawa item-item yang dilindungi hakcipta mungkin tidak disalin sama sekali. Mereka hanya boleh diguna dalam telefon yang asalnya telah dilanggan oleh mereka.

Nokia Content Copier menyokong beberapa model telefon Nokia. Untuk maklumat lanjut pada telefon-telefon disokong oleh setiap Nokia PC Suite, rujuk laman-laman web Nokia.

Untuk maklumat tentang penyambungan telefon yang serasi ke sebuah PC yang serasi, lihat panduan pengguna telefon berkenaan.

5.4 MENGURUS KANDUNGAN TELEFON DALAM PC

Dalam Nokia Phone Browser, anda boleh menguruskan sesetengah folder telefon yang serasi melalui Windows Explorer. Penyambungan telefon Nokia serasi ke sebuah PC serasi yang mempunyai Nokia PC Suite 5.8 akan membuat suatu folder telefon di dalam pameran pokok Windows Explorer.

Mulakan Nokia Phone Browser dari Start > Programs > Nokia PC Suite 5 > Nokia Phone Browser.

Di bawah folder telefon, anda dapat melihat beberapa subfolder telefon, yang boleh dibaca menerusi telefon yang serasi apabila telefon tersebut disambungkan ke PC. Anda boleh menyalin fail dari subfolder-subfolder telefon ke folder-folder PC anda dan sebaliknya, dan juga membuat folder-folder baru di dalam subfolder-subfolder telefon.



Nota: Menyalin fail-fail dari PC ke telefon mungkin mengambil sedikit masa, bergantung pada saiz fail-fail berkenaan. Sila pastikan terdapat masa yang secukupnya untuk menyalin fail sebelum memutuskan sambungan telefon tersebut.

Adalah direkemen bahawa anda guna suatu sambungan kabel DKU-2 (USB) (jika tersedia) semasa memindah fail-fail muzik antara telefon anda dengan PC. Dengan suatu sambungan DKU-2 anda boleh pindah fail-fail besar lebih cepat dengan sambungan lain.



Nota: Fai-fail yang dibuka dari subfolder-subfolder telefon adalah disimpan dalam folder Nokia Phone Browser/Fail-fail Diambil pada PC anda. Jika anda mengedit fail-fail yang dibuka dan menyimpannya, versi-versi disimpan masih kekal dalam folder PC tersebut. Untuk kemas kini fail-fail dalam telefon, memindahkannya dari folder Fail-fail Diambil ke subfolder telefon Nokia Phone Browser yang sesuai dengan menarik dan melepas sebagai contoh.

Untuk maklumat selanjutnya, lihat bantuan dalam talian Nokia Phone Browser.

5.5 MENGGUNAKAN NOKIA MODEM OPTIONS


5.5.1 MENGGUNAKAN TELEFON ANDA SEBAGAI MODEM

Anda boleh menggunakan telefon anda dengan pelbagai aplikasi komunikasi data dan faks yang tersedia secara komersil. Semasa mengkonfigurasikan aplikasi data atau faks, anda mesti memilih telefon anda sebagai modem. Anda boleh memilih sama ada Nokia xxxx (kabel), Nokia xxxx (Bluetooth), atau Nokia xxxx (IrDA) sebagai modem (xxxx bermaksud nombor model empat digit bagi telefon), bergantung pada telefon yang sedang anda gunakan dan modem yang telah anda pilih semasa pemasangan.

Untuk menggunakan telefon anda sebagai modem

- anda perlukan perisian komunikasi data yang sesuai terpasang pada PC anda
- anda mesti melanggan khidmat rangkaian yang sesuai dari penyedia khidmat rumah anda atau penyedia khidmat Internet.
- anda mesti mempunyai pemacu modem yang sesuai terpasang pada PC anda. Contohnya, jika anda mahu menyambung telefon anda ke PC melalui inframerah, anda mesti mempunyai modem inframerah terpasang pada PC anda. Setiap modem Nokia dikhususkan untuk satu model telefon sahaja. Ini bermakna jika anda mahu mempunyai tetapan untuk menggunakan lebih daripada satu telefon Nokia sebagai modem dan telefon-telefon ini mewakili model telefon yang berlainan, anda mesti memasang Nokia Modem Options untuk setiap model telefon.
- anda mesti telah memasang Nokia Modem Options.

1. Sambungkan telefon anda ke PC.
2. Jika anda telah menggunakan telefon anda bersama aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite yang lain, lumpuhkan semua jenis sambungan dari Nokia Connection Manager. Nokia Connection Manager boleh dijumpai dalam Control Panel Windows.

- 
3. Buat sambungan data dengan menggunakan program sambungan PC (contohnya "Network and Dial-up Connection" dalam Windows 2000 dan "Network Connection" dalam XP).
 4. Pilih modem yang anda ingin pasang mengikut arahan-arahan program sambungan dan buat panggilan data.
 5. Apabila anda mahu menyambung penggunaan aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite yang lain, tamatkan panggilan data dan pilih jenis-jenis sambungan yang anda mahu gunakan di dalam Nokia Connection Manager sekali lagi.

5.5.2 Menukar tetapan Nokia Modem Options

Dalam Nokia Modem Options, anda boleh menukar tetapan panggilan data yang akan digunakan semasa menggunakan telefon Nokia yang serasi sebagai modem. Anda boleh menukar, contohnya, kelajuan sambungan data dan kaedah sambungan.

Anda boleh menukar tetapan panggilan data walaupun ketika telefon anda tidak disambungkan ke komputer. Untuk maklumat selanjutnya tentang bagaimana untuk menetapkan pilihan-pilihan ini di Nokia Modem Options, sila rujuk bantuan dalam talian Nokia Modem Options.

Anda boleh memulakan Nokia Modem Options dari Windows Control Panel:

1. Klik butang **Start**, tunjuk ke **Settings**, dan klik **Control Panel**.
2. Dalam Control Panel, dwi-klik **Nokia Modem Options**.



Nota: Teknologi GPRS (General Packet Radio Service) membolehkan telefon bimbit menghantar dan menerima data melalui rangkaian mudah alih yang telah diperbaiki dan komunikasi data yang lebih pantas berbanding teknologi GSM. Penggunaan khidmat GPRS memerlukan rangkaian anda telah menyokong teknologi GPRS (General Packet Radio Service) dan anda melanggan khidmat ini. Harga khidmat GPRS mungkin berbeza daripada khidmat data GSM biasa. Hubungi penyedia khidmat anda bagi maklumat selanjutnya.



Nota: Penggunaan khidmat data kelajuan tinggi memerlukan rangkaian anda menyokong teknologi HSCSD (High Speed Circuit Switched Data) dan anda telah melanggan khidmat ini. Khidmat data kelajuan tinggi GSM mungkin lebih mahal berbanding khidmat data GSM biasa. Hubungi penyedia khidmat anda bagi maklumat selanjutnya.

5.6 MENUKAR BAHASA NOKIA PC SUITE

Apabila anda sedang memasang Nokia PC Suite, anda boleh memilih satu bahasa, yang akan digunakan dalam semua aplikasi Nokia PC Suite yang dipasang. Untuk menukar bahasa:

- *Jika anda telah memasang Nokia PC Suite dari **CD-ROM**:*
 - buang Nokia PC Suite dan pasangkannya semula, dengan memilih bahasa baru pada permulaan pemasangan.
- *Jika anda telah memasang Nokia PC Suite dari laman-laman web **Nokia Phone Support**:*
 - buang Nokia PC Suite yang sedia ada
 - kembali semula ke laman-laman sokongan, pilih bahasa baru, muat-turun **Nokia_PC_Suite_58_xx.exe** (xx mewakili singkatan bahasa tersebut) di dalam bahasa tersebut ke dalam PC anda, dan pasang program tersebut pada PC anda

5.7 MEMBUANG NOKIA PC SUITE

Untuk buang pemasangan Nokia PC Suite, buat satu daripada yang berikut:

1. Pilih **Start -> Program -> Nokia PC Suite 5 -> Buang pemasangan.**
2. Ikuti arahan-arahan di skrin sehingga fail-fail program dibuang.

ATAU:

1. Pilih **Start -> Settings -> Control Panel.**
2. Dwi-klik **Add/Remove Programs.**
3. Dalam senarai Currently Installed Programs, klik **Nokia PC Suite 5.8.**
4. Klik **Change/Remove.**
5. Ikuti arahan-arahan di skrin sehingga fail-fail program dibuang.



6. PENYELESAIAN MASALAH

6.1 SAMBUNGAN

Bagaimanakah saya menyemak sambungan IrDA dalam Windows 98SE

Sebelum menggunakan Nokia PC Suite melalui IrDA dalam Windows 98SE, anda boleh menguji kebolehan fungsi port IrDA melalui cara-cara berikut:

1. Buka Microsoft Infrared Monitor.
2. Pastikan komunikasi Infrared diperbolehkan dalam sistem anda.
3. Pastikan di dalam bar Status bahawa Infrared Monitor telah menemui telefon Nokia anda.

Nokia PC Suite tidak lagi memberikan respons.

Jika anda sedang menggunakan sambungan inframerah, aktifkan semula port inframerah telefon tersebut dan mulakan semula Nokia PC Suite.

Nokia PC Suite tidak memberikan respons semasa panggilan data.


Nokia PC Suite tidak mungkin digunakan semasa panggilan data. Tamatkan panggilan data tersebut dan mulakan semula Nokia PC Suite.

Saya memutuskan sambungan dan kemudian menyambung semula telefon saya, tanpa menunggu Nokia PC Suite untuk mengenal pasti bahawa sambungan telefon tersebut telah pun diputuskan sambungan. Kini Nokia PC Suite tidak memberikan respons.

Sebelum menyambung semula telefon tersebut, anda seharusnya menunggu sehingga Nokia PC Suite mengenal pasti bahawa anda telah memutuskan sambungan telefon tersebut. Proses ini mungkin mengambil beberapa saat. Ikon telefon yang terpapar pada bar status aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite menandakan status sambungan telefon tersebut. Dalam Nokia PC Sync, ikon tray Nokia PC Sync akan kelihatan kuning dan putih apabila telefon diputuskan. Jika anda telah menyambungkan semula telefon anda terlalu awal dan mengalami masalah, matikan telefon anda. Kemudian aktifkan semula telefon dan mulakan semula Nokia PC Suite.

Bagaimana saya boleh dapat sebuah telefon Nokia serasi berfungsi dalam Nokia Connection Manager dengan menggunakan kabel DKU-2 (USB)?

Prasyarat: Anda mempunyai sebuah telefon Nokia serasi, kabel DKU-2 (USB), suatu Sistem Operasi Windows serasi, pemacu-pemacu yang betul bagi kabel DKU-2 (USB) dan suatu Nokia PC Suite serasi, tidak dipasang.

- 
- 1) Pasang pemacu kabel tersebut ke komputer anda
 - 2) Pasang Nokia PC Suite 5.8 mengikut arahan-arahan yang diberikan.
 - 3) Palamkan kabel tersebut. Windows sepatutnya mengenal pasti kabel tersebut dan mencari pemacu untuk kabel itu.
Pilih **Yes** untuk soalan tandatangan Digital sekiranya anda menerimanya, dan pemacu-pemacu tersebut akan dipasang.
 - 4) Mulakan **Nokia Connection Manager** (jika ianya belum dibuka)
 - 5) Pilih sambungan USB di dalam Nokia Connection Manager.
 - 6) Palamkan kabel tersebut ke dalam telefon
Telefon itu patut dipamerkan di dalam senarai telefon Nokia Connection Manager.

Bagaimana saya boleh dapat sebuah telefon Nokia serasi berfungsi dalam Nokia Connection Manager dengan menggunakan kabel DKU-5 (siri)?

Prasyarat: Anda mempunyai sebuah telefon Nokia serasi, kabel DKU-5 (siri), suatu Sistem Operasi Windows serasi, pemacu-pemacu yang betul bagi kabel DKU-5 (siri) dan suatu Nokia PC Suite serasi, tidak dipasang.

- 1) Pasang pemacu-pemacu DKU-5 ke komputer anda.
- 2) Pasang Nokia PC Suite berdasarkan arahan-arahan.
- 3) Pasang palam kabel. Windows patut mengenal kabel dan cari pemacu-pemacu untuknya.
Pilih **Ya** bagi soalan tandatangan Digital jika anda terimanya, dan pemacu-pemacu akan dipasang.
- 4) Mula **Nokia Connection Manager** (jika belum lagi buka).
- 5) Pilih sambungan port Siri.
- 6) Pilih port COM yang betul dari senarai yang ditunjuk dengan menekan butang **Lanjut** dalam Nokia Connection Manager.
- 7) Pasang palam kabel ke telefon.
Telefon patut ditunjuk dalam senarai telefon Nokia Connection Manager.

Saya tidak dapat mencari Nokia Connection Manager

Jika anda telah memasang Modem Options sahaja, Nokia Connection Manager tidak akan dipasang. Semasa memilih sebarang aplikasi selain daripada Modem Options semasa pemasangan, Nokia Connection Manager akan sentiasa dipasang. Jika tersedia, Nokia Connection Manager boleh dijumpai dalam Windows Control Panel.

Modem Nokia berganda telah dipasang

Anda disarankan supaya tidak memilih pilihan "Benarkan pemasangan perisian untuk alatan Palam dan Main dalam Julat" dari Infrared Monitor (Windows 98SE sahaja) kerana ia mengganggu pemasangan Nokia PC Suite.

Saya tidak dapat membuat sambungan inframerah ke PC saya

Cuba kurangkan kadar sambungan IrDA pada PC anda ke 115200bps, contohnya.

Pergi ke **Control Panel -> Pautan Tanpa wayar -> tab Perkakasan -> Ciri-ciri -> tab Lanjut**. Dalam senarai **Ciri**, pilih **Kadar sambung maksimum**, dan tetapkan **Nilai** tersebut ke 115200bps.



Pemasangan modem Inframerah seperti tidak berfungsi dengan Windows XP

Jika PC anda mengendalikan Window XP, anda perlu pasang modem telefon bimbit (IrDA) Nokia secara manual, lihat topik **Selepas pemasangan** dalam panduan ini.

Saya tidak boleh menghubungi pembekal khidmat Internet saya dengan menggunakan teknologi HSCSD

Menggunakan kadar-kadar data pemindahan lebih daripada 14.4 kbit/s memerlukan telefon bimbit Nokia anda dan rangkaian bimbit anda menyokong teknologi HSCSD dan anda perlu langgan ke khidmat ini. Khidmat-khidmat data kelajuan tinggi mungkin memerlukan kos yang lebih tinggi daripada khidmat-khidmat data yang normal. Hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

Windows menunjukkan suatu kelajuan sambungan 115200 selepas kewujudan sambungan GPRS.

Windows sentiasa menunjukkan suatu kelajuan sambung GPRS 115200, walaupun sambungan sebenarnya diwujudkan pada kelajuan yang lebih tinggi.

Bagaimana saya boleh wujudkan suatu sambungan Bluetooth antara telefon dengan PC

- 1) Semak bahawa sambungan Bluetooth adalah diaktifkan dalam telefon.
- 2) Mula perisian Bluetooth pada PC anda.
- 3) Buat penemuan alatan dengan menggunakan perisian Bluetooth pada PC anda.
- 4) Berpasang dan mengesahkan PC dan telefon dengan menggunakan perisian Bluetooth pada PC anda.

6.2 NOKIA PC SYNC


Nokia PC Sync saya membuat gandaan semasa saya sedang menyejajarkan kenalan-kenalan selepas mengembalikan mereka melalui Nokia Content Copier.

Nokia Content Copier sentiasa membuat pengenalan baru untuk kenalan-kenalan apabila mereka dikembalikan. Oleh itu, kenalan ini akan dikenal pasti sebagai kenalan baru. Anda boleh membuang kenalan-kenalan berganda tersebut melalui Nokia Phone Editor.

Item-item Tugas lama kelihatan dalam telefon saya selepas saya telah menyejajarkan telefon tersebut melalui Microsoft Outlook.

Jika Kalendar Microsoft Outlook anda mempunyai item-item Tugas tanpa tarikh cukup tempoh, butiran tersebut mungkin disegerakkan ke dalam telefon tersebut walaupun mereka mungkin berada di luar had penyejajarkan.

Saya mempunyai hari jadi dengan penggera tersimpan di dalam telefon saya. Selepas membuat penyejajarkan melalui Lotus Organizer, tiada penggera didapati dengan item-item hari jadi tersebut.



Waktu penggera yang ditetapkan ke atas telefon tersebut untuk item-item hari jadi akan lenyap dari Lotus Organizer selepas penyegerakan. Item-item hari jadi yang disimpan di dalam telefon tersebut yang tidak mempunyai penggera akan, selepas penyegerakan, mempunyai penggera yang ditetapkan 7 hari sebelum hari jadi. Penggera di dalam telefon anda tidak akan dipengaruhi oleh proses penyegerakan. Ini merupakan fungsi Lotus Organizer, dan tidak terdapat cara untuk mengatasinya.

Kalendar-kalendar mengulang telah ditunjuk dengan berlainan antara telefon dengan PC selepas penyegerakan.

Telefon-telefon tidak sokong nota-nota kalendar dengan set bilang ulang ke suatu nilai tertentu. Jika nota kalendar tersebut disegerak dengan telefon, nota kalendar adalah diulang tanpa had.

Nokia PC Sync tidak berfungsi dengan betulnya bersama Lotus Notes

Nokia PC Sync mempunyai tatarajah-tatarajah yang berlainanan untuk versi-versi Lotus Notes. Jika Nokia PC Sync menggunakan tatarajah yang salah, pangkalan data Lotus Notes Calendar tidak akan disegerak dengan betulnya. Pilih tatarajah PC Sync yang betul berdasarkan versi Lotus Notes yang diguna.

Saya telah mengedit entri-entri Hari jadi/Ulang tahun sama ada dalam telefon atau dalam Lotus Notes dan disegerak semula, tetapi entri-entri Hari jadi/Ulang tahun yang sepadan tidak diubahsuai dengan sewajarnya dalam telefon atau Lotus Notes.

Lotus Notes membekalkan sokongan untuk entri-entri Ulang tahun berulang. Walaubagaimanapun, cara Lotus Notes mengendalikan item-item berulang berlainan daripada cara telefon mengendalikannya. Entri 'induk' dibuat dan peristiwa-peristiwa berulang tahunan adalah salinan untuknya. Jika sebarang peristiwa-peristiwa ini diubahsuai atau dipadam, perubahan-perubahan tidak akan menjejaskan peristiwa-peristiwa lain. Ini mempertimbangkan kedua-dua Lotus Notes dan telefon, sama ada entri-entri akan disegerak atau tidak.

Nokia PC Sync tidak selalu meminta kata laluan apabila menggunakannya dengan Lotus Notes

Permintaan kata laluan dikawal oleh Lotus Notes, bukan Nokia PC Sync. Sekiranya anda mahu kata laluan diminta lebih kerap, tukar pilihan-pilihan sesuai dalam Lotus Notes.

Penyegerakan saya tidak berjaya

Pastikan telefon adalah dalam mod diam (iaitu logo/nama operator ditunjuk pada antara muka pengguna telefon) dan mula semula penyegerakan.



6.3 NOKIA CONTENT COPIER

Saya memutuskan sambungan telefon punca dan kemudian membuat sambungan telefon sasaran tanpa menunggu Nokia Content Copier untuk mengenal pasti bahawa telefon telah ditukar. Kini Nokia Content Copier tidak dapat mengenal pasti telefon sasaran.

Sebelum menyambung telefon sasaran, anda seharusnya menunggu sehingga PC anda berhenti mengesan telefon punca dan teks "Tiada telefon" muncul di dalam kotak "Telefon sasaran" dalam Nokia Content Copier. Proses ini akan mengambil beberapa saat. Jika anda telah menyambungkan telefon sasaran terlalu awal dan kepincangan tugas yang tersebut di atas berlaku, sila putuskan sambungan telefon sasaran dan tunggu sehingga teks "Tiada Telefon" muncul di dalam kotak "Telefon sasaran" dan kemudian cuba sambungkan telefon sasaran sekali lagi.

Selepas menggunakan pilihan memadam dalam Nokia Content Copier, daftar panggilan telefon saya kosong.

Walau apa pun data yang telah dipilih untuk dipadamkan kesemua Persediaan Kilang sedang berjalan. Persediaan Kilang akan sentiasa mengosongkan daftar panggilan.

Semasa pemindahan data dari sebuah telefon ke telefon yang lain, profil nada-nada dering tidak disalin dengan sewajarnya.

ID nada dering berbeza di dalam sesetengah model telefon dan nada-nada tersebut mungkin tidak sama di dalam kedua-dua telefon selepas menggunakan Nokia Content Copier.

Templat tidak diubahsuai semasa menggunakan Nokia Content Copier

Perubahan di dalam templat telefon punca tidak disalin ke dalam telefon sasaran. Dua puluh item pertama di dalam folder Templat sentiasa dibiarkan tidak terusik.

Selepas simpan semula suatu sandaran saya hilang imej-imej potret saya dari buku telefon

Nokia Content Copier tidak buat salian-salinan sandaran folder Galeri telefon. Jika anda ingin simpan imej-imej potret anda ke PC, guna Nokia Phone Browser.

6.4 LAIN-LAIN

Saya telah membuat nada dering MIDI dengan menggunakan Nokia Sound Converter, tetapi telefon tersebut tidak dapat memainkannya.

Kebolehan telefon tersebut untuk memainkan fail- fail SP-MIDI juga bergantung pada ciri-ciri fail SP-MIDI yang asal. Tidak semua fail-fail SP-MIDI boleh dimainkan oleh telefon.



Saya tidak dapat membuka fail-fail yang dinamakan menggunakan aksara-aksara yang tidak berasal dari set aksara US-ASCII dalam Windows 2000 dan Windows XP

Nama fail mengandungi aksara-aksara yang tidak ditetapkan di dalam laman kod yang telah ditentukan untuk digunakan oleh aplikasi-aplikasi bukan Unicode. Dalam Windows 2000 dan Windows XP nama fail tersebut boleh mengandungi mana-mana aksara Unicode. Untuk aplikasi-aplikasi bukan Unicode aksara-aksara Unicode tersebut diubah menggunakan jadual pengubahan laman kod. Jika tidak terdapat aksara-aksara yang berpadanan di dalam jadual pengubahan itu, nama fail yang terhasil tidak lagi berpadanan dengan nama fail asal. Oleh itu, fail tersebut tidak dapat dibuka oleh aplikasi-aplikasi Nokia PC Suite.

Namakan semula fail tersebut dengan menggunakan aksara-aksara dari set aksara US-ASCII dan/atau dari set aksara yang telah ditetapkan untuk digunakan oleh aplikasi-aplikasi bukan Unicode. Tetapan laman kod boleh didapati dalam Windows Control Panel, Regional Settings.

Saya tidak dapat memindahkan imej-imej dan nada-nada dering dari telefon saya ke Nokia PC Suite

Perlindungan hak cipta mungkin menghindarkan sesetengah imej, nada dering dan kandungan lain dari disalin, diubahsuai, dipindahkan atau dimajukan.

Saya cuba menyalin fail-fail dari PC ke telefon. Saya menyalin fail-fail ke folder Galeri dalam Nokia Phone Browser, tetapi fail-fail tersebut tidak disalin ke dalam telefon. Apakah masalah yang sedang berlaku?

Menyalin fail-fail dari PC ke telefon mungkin mengambil sedikit masa, bergantung pada saiz fail-fail berkenaan.

Sila pastikan terdapat masa yang secukupnya untuk menyalin fail sebelum memutuskan sambungan telefon tersebut.

Apakah tujuan folder "Galeri Saya" dalam Nokia Phone Browser?


Ia merupakan tempat untuk anda menyimpan nada-nada dering, imej-imej kertas hias dinding dan sebagainya. Sudah tentu fail-fail boleh disimpan di mana-mana sahaja, begitu juga, dalam Windows Explorer.

Mengapa "Nokia Mobile Phone" lenyap dari Nokia Phone Browser?

Pengeditan luar talian tidak mungkin dilakukan untuk fail-fail telefon. Apabila sambungan telefon tersebut dari PC diputuskan, folder telefon juga akan lenyap.

Audio telah hilang dari trek-trek video yang diubah

Trek video dalam format QuickTime mengandungi kedua-dua video dan audio, tetapi audio telah hilang semasa trek video diubah ke format lain. Sebabnya ialah pemasangan QuickTime anda tidak dipasang dengan sepenuhnya. Pasang semula pemain QuickTime dan pilih "Direkemen" dalam pemasangan untuk membolehkan perubahan trek-trek audio dalam video-video QuickTime anda.



**Semasa mencuba buka suatu aplikasi PC Suite, saya mendapat mesej ralat:
"Sesetengah komponen-komponen aplikasi tidak boleh diletakkan. Sila pasang semula aplikasi."**

Pastikan anda telah pasang Nokia PC Suite ke laluan yang hanya menggunakan aksara-aksara kepunyaan set aksara US-ASCII.



7. APENDIKS A. MENGGUNAKAN JENIS-JENIS SAMBUNGAN YANG LAIN

7.1 MENGGUNAKAN SAMBUNGAN INFRAMERAH

Anda boleh menggunakan inframerah untuk menyambung telefon yang serasi ke sebuah PC yang serasi. Ambil perhatian bahawa dalam Windows 2000 dan Windows XP sambungan inframerah dipanggil Wireless Link.

Semasa menyambung melalui inframerah, tidak boleh terdapat sebarang halangan antara kedua-dua alat. Port IR bagi kedua-dua alat mesti saling menunjuk ke arah satu sama lain. Jarak yang sesuai antara kedua-dua alat ialah satu meter sejauh-jauhnya.

Untuk boleh menggunakan sambungan inframerah Windows 2000 dan Windows XP, anda mesti terlebih dahulu melumpuhkan aplikasi Pindahan Imej dalam perisian Wireless Link.

Untuk menggunakan sambungan inframerah

1. Aktifkan port IR pada telefon anda.
2. Aktifkan komunikasi inframerah pada PC anda.
3. Pastikan port inframerah telefon menghadap port inframerah PC.
4. Buka Nokia Connection Manager dari **Control Panel** atau dwi-klik ikon **Nokia PC Suite** di kawasan Status PC
5. Dari butang jenis sambungan, pilih jenis sambungan yang anda mahu guna. Butang yang dipilih mempunyai latar belakang hijau dan butang yang tidak dipilih mempunyai latar belakang kelabu. Butang yang tidak boleh dipilih berwarna kelabu keseluruhannya.
6. Pilih telefon anda daripada senarai telefon. Klik **Apply**.
7. Klik **OK** untuk menutup Nokia Connection Manager.


7.2 MENGGUNAKAN SAMBUNGAN KABEL

Sekiranya telefon anda menyokong sambungan kabel, anda boleh menggunakan kabel sambungan serasi untuk menyambungkan telefon ke sebuah PC yang serasi.

Jangan matikan telefon semasa kabel masih disambungkan. Pastikan terdapat cukup kuasa pada bateri telefon sebelum menyambungkan telefon ke PC.

Untuk menggunakan sambungan kabel

1. Pastikan bahawa telefon diaktifkan.
2. Sambungkan kabel ke telefon.
3. Sambungkan hujung kabel yang satu lagi ke telefon.
4. Buka Nokia Connection Manager dari **Control Panel** atau dwi-klik ikon **Nokia PC Suite** di kawasan Status PC

- 
5. Dari butang jenis sambungan, pilih jenis sambungan yang anda mahu guna. Butang yang dipilih mempunyai latar belakang hijau dan butang yang tidak dipilih mempunyai latar belakang kelabu. Butang yang tidak boleh dipilih berwarna kelabu keseluruhannya.
 6. Jika perlu, tukar port COM terpilih dengan menklik butang **Lanjut** dan memilih port yang betul dari dialog pilihan port COM (bukan dengan kabel USB). Klik **OK**.
 7. Pilih telefon anda daripada senarai telefon. Klik **Apply**.
 8. Klik **OK** untuk menutup Nokia Connection Manager.

7.3 MENGGUNAKAN SAMBUNGAN BLUETOOTH

Anda boleh menggunakan teknologi Bluetooth untuk menyambungkan telefon Nokia diperbolehkan Bluetooth ke sebuah PC yang serasi. Bagi sambungan yang berfungsi, anda memerlukan sebuah PC diperbolehkan Bluetooth yang mempunyai perisian Bluetooth yang bersesuaian.

Semasa menyambung melalui teknologi Bluetooth, kedua-dua alat mesti berada dalam lingkungan jejari 10 meter antara satu sama lain.

Untuk menggunakan sambungan Bluetooth

1. Aktifkan sambungan Bluetooth telefon anda.
2. Buka Nokia Connection Manager dari **Control Panel** atau dwi-klik ikon **Nokia PC Suite** di kawasan Status PC
3. Dari butang jenis sambungan, pilih jenis sambungan yang anda mahu guna. Butang yang dipilih mempunyai latar belakang hijau dan butang yang tidak dipilih mempunyai latar belakang kelabu. Butang yang tidak boleh dipilih berwarna kelabu keseluruhannya.
4. Pilih telefon anda daripada senarai telefon. Klik **Apply**.
5. Jika digesa, pilih port COM dalam dialog Port Bersiri Bluetooth.
6. Klik **OK** untuk menutup Nokia Connection Manager.